

Padankan teknik cucian tangan dengan kenyataan yang betul.



Pakai sarung tangan untuk keselamatan tangan daripada terkena sabun yang aktif.



Sediakan baldi, air, serbuk pencuci pakaian dan pelembut pakaian untuk mencuci baju menggunakan teknik cucian tangan.



Pertama, letakkan satu cawan sabun di dalam baldi.



Kedua, letakkan air sebanyak setengah daripada baldi.



Ketiga, letakkan baju ke dalam baldi dan rendam baju selama 30 minit.



Keempat, gosok baju dengan berus sehingga berbuih dan hilang kesan kotoran di baju.



Kelima, buang air sabun dan letakkan air baru ke dalam baldi.



Keenam, masukkan baju dah siap berus ke dalam baldi untuk dibilas dengan air bersih.



Ketujuh, letakkan sedikit sahaja cecair pelembut pakaian dan gosok baju dengan perlahan untuk mewangi dan melembutkan pakaian.



Kelapan, perah pakaian sehingga kesemua air basuhan kering.



Akhir sekali, sangkut baju di ampaian dan jemur baju di bawah cahaya matahari sehingga kering.